

Peniaga gerai lumayan

SERDANG: Setiap kali tiba musim konvokesyen, peniaga pastinya antara yang menjadi tumpuan pengunjung apabila berlumba-lumba menawarkan barangan pada harga menarik di samping menjana keuntungan berlipat ganda di tapak pesta.

Bagi peniaga patung perhiasan, Rosdin Noh, 29, penganjur Ekspo Tani Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-13 kali ini dianggap seperti 'lubuk emas' baginya apabila menerima kira-kira 100 hingga 200 pelanggan setiap hari untuk membeli barangan di gerainya.

"Memang menjadi kelaziman bagi saya berniaga di tapak pesta seperti ini kerana pendapatan yang diterima amat menggalakkan berbanding berniaga di kedai biasa.

"Sudah enam tahun saya menyertai ekspo ini dan apa yang dilihat, pengunjung tidak pernah kurang terutama pada hujung minggu. Me-

mang pesta ini sering dinantikan untuk mendapatkan keuntungan lebih berbanding biasa," katanya.

Rosdin juga berkata orang ramai berpeluang menikmati 'harga runtuh' di gerainya apabila lelongan hari terakhir menawarkan harga paling rendah kepada pengunjung terutama pelajar UPM.

"Harga yang ditawarkan amat munasabah kerana kami faham kebanyakan pelanggan juga adalah pelajar," katanya.

Ekspo lapan hari yang berakhir Khamis ini menempatkan sebanyak 104 gerai yang menjual pelbagai barangan seperti makanan, pakaian dan cenderamata.

Sementara itu, Pengarah Ekspo Tani, Mohd Nurulikhlan Mohd Yunus, 22, berkata 40 daripada gerai berkenaan dikendalikan pelajar UPM bagi memberi peluang kepada mereka melakukan aktiviti keusahawanan.